

Pelajaran 3: Usaha Keselamatan dan Permuliaan

Anda mungkin mengajar pelajaran ini secara seluruh atau membahagikannya kepada segmen-segmen kecil. Sesuaikan pelajaran berdasarkan situasi tempatan dan keperluan, umur, dan tahap pemahaman kuorum atau presidensi kelas anda.

USAHA KUORUM ATAU PRESIDENSI KELAS

Jemput ahli-ahli presidensi untuk baca bersama *General Handbook: Serving in The Church of Jesus Christ of Latter-day Saints*, 1.2 ([ChurchofJesusChrist.org](https://www.churchofjesuschrist.org)), dan jemput mereka untuk mencari kerja yang Tuhan telah memanggil mereka untuk laksanakan. Mengapakah kerja ini penting? Apakah yang kita kini telah lakukan untuk mencapai tujuan-tujuan itu? Apakah matlamat yang kita boleh tetapkan atau ubahsuaikan untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut?

MELIBATKAN AHLI-AHLI KUORUM DAN KELAS DALAM USAHA ITU

Minta ahli-ahli presidensi untuk kaji semula apa yang mereka telah bincang dan rancangkan sebagai satu presidensi. (Anda mungkin ingin meminta mereka untuk mengkaji semula [agenda pertemuan presidensi](#), termasuklah rancangan untuk melayan dan aktiviti-aktiviti.) Kemudian tanya soalan-soalan berikut:

- Bagaimanakah kita telah bertumpu dalam usaha keselamatan dan permuliaan?
- Bagaimanakah kita boleh memperbaiki?

Jemput ahli presidensi untuk bincangkan bagaimana mereka boleh membantu ahli kuorum atau kelas terlibat dengan lebih dalam usaha keselamatan dan permuliaan. Soalan-soalan berikut boleh dibincangkan oleh presidensi atau kuorum atau kelas:

- Bagaimanakah kita membantu satu sama lain mengikut injil Yesus Kristus dengan lebih baik?
- Apakah yang kita boleh lakukan untuk menjaga mereka yang memerlukannya?
- Bagaimanakah kita boleh membantu semua berasa disambut untuk menyertai kita?
- Bagaimanakah kita menggalakkan penyertaan dalam kerja sejarah keluarga dan bait suci?

Lihat soalan-soalan mungkin yang lain dalam bahagian “Berunding Bersama” bagi setiap pelajaran dalam [Ikutlah Aku—Untuk Kuorum Imamat Harun dan Kelas Remaja Puteri](#).

SUMBER-SUMBER SOKONGAN

- *General Handbook*, chapter 1
- Efesus 4:11–13; Moroni 10:32; Musa 1:39